

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH / HARI : 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

Denda serta-merta

PETUGAS Kementerian Kesihatan mengedarkan risalah kepada orang ramai pada program sempena Pewartaan Taman Awam di Taman Botani Perdana.

Perokok langgar amaran di kawasan taman awam dikompaun RM250

Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Perokok di kawasan larangan di taman awam seluruh negara selepas ini akan terus dikenakan denda minimum RM250 serta-merta selepas tempoh penguatkuasaan pendidikan berakhir 31 Mei ini.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman berkata, ini bermakna bermula 1 Jun ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak lagi menggunakan pendekatan penguatkuasaan pendidikan seperti dilakukan sebelum ini.

Menurut beliau, langkah itu susulan daripada pewartaan

pindaan Peraturan 11(w), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PP-KHT) Pindaan Peraturan 2017 pada 1 Februari lalu.

"Sekarang ini, kita masih mengambil pendekatan memberi kesedaran dengan mendidik orang ramai melalui pengedaran risalah berkaitan kesalahan dan hanya mengeluarkan notis amaran ketika rondaan penguatkuasaan.

"Bagaimanapun selepas 1 Jun, penguat kuasa terus mengeluarkan notis kesalahan serta merta kerana melanggar Peraturan 11(w) dengan kompaun minimum dikenakan RM250 atau sehingga maksimum RM5,000," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Penguatkuasaan Pendidikan Di Taman Awam Sebagai Kawasan Larangan Merokok di Taman Botani Perdana, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Lokman berkata, program penguatkuasaan pendidikan itu akan dilakukan secara berperingkat-peringkat kira-kira 1,280 taman rekreasi dan riadah di seluruh negara membabitkan 4,504 penguatkuasa.

"Sepanjang bulan ini sahaja, 47 notis amaran sudah dikeluarkan kepada individu yang melakukan kesalahan merokok di taman-taman awam.

"Manakala secara keseluruhannya sepanjang tahun lalu, 40,936 notis kesalahan dikeluarkan atas pelbagai kesalahan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 dengan nilai denda RM4,448,338," katanya.

Peraturan 11(w) dan 11(x), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PP-KHT) Pindaan 2017; Ta-



Taman Ini Adalah Kawasan Larangan Merokok
DILARANG MEROKOK

PAPAN tanda larangan merokok di kawasan taman awam.

man-Taman Awam di seluruh Malaysia; Taman Negara yang diwartakan mengikut Akta Taman Negara 1980; Enakmen Taman Negara Kelantan; Enakmen Taman Negara Pahang atau Enakmen Taman Negara Terengganu serta Taman-Taman Negeri seperti dalam Jadual Kesembilan peraturan ini.

Berikutan pewartaan itu, semua kawasan di taman awam adalah dilarang merokok kecuali tempat letak kereta terbuka, manakala tiga tempat utama yang menjadi tumpuan orang awam iaitu menara cerapan, tapak perkhemahan, titian kanopi dan jarak lima meter dari laluan masuk atau keluar titian kanopi di Taman Negara dan Taman Negeri, dilarang merokok.